



**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)*

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

**JAWATAN : PENOLONG JURUUKUR BAHAN**

**Gred Jawatan** : Setara dengan Penolong Juruukur Bahan Gred JA29

**Taraf Jawatan** : *Contract for Service (CFS)*

**Pusat Tanggungjawab** : Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (AM)

**Penempatan** : Ibu Pejabat

**Gaji** : RM1,900.00

**Tempoh Perkhidmatan** : 1 tahun

**1. Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

i) sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

ii) diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**3. Bidang Tugas** : i) Membantu Jurutera bagi peringkat awalan termasuk penilaian tapak, penyediaan dokumen spesifikasi kerja/BQ mengikut keperluan dan kehendak pelanggan dan penyediaan dokumen lengkap sebutharga/tender bagi proses perolehan;

- ii) Penyediaan dokumen bagi perolehan Sebut Harga. Ini termasuk spesifikasi teknikal, skop kerja, *bill of quantities* dan lain-lain berkaitan;
- iii) Penyediaan Laporan Penilaian Teknikal (Analisa) Tawaran Sebut Harga;
- iv) Penyeliaan dan Pengawasan Kerja di tapak bagi urusan pembayaran kerja;
- v) Penglibatan dalam pelaksanaan projek oleh Penolong Juruukur Bahan juga merangkumi aktiviti seperti;
  - a. Mengelola lawatan tapak dan taklimat teknikal;
  - b. Hadir ke Mesyuarat Tapak/Teknikal/Pelarasan, pemantauan Kemajuan Kerja dan Pelaporan serta penyediaan Minit berkaitan;
  - c. Membantu Jurutera Sivil bagi membuat pengesahan kemajuan fizikal di tapak projek sebutharga/tender bagi tuntutan bayaran;
  - d. Penyediaan dokumen bayaran projek fizikal (bagi bayaran interim semasa, akhir dan perakuan berkaitan). Skop kerja ini ditanggung oleh Jurutera Sivil;
  - e. Tindakan susulan dalam tempoh jaminan kecacatan termasuk pemantauan servis dan senggaraan, dan pengesahan serta pengeluaran perakuan *Certificate Of Completion Of Making Good Defect* (CMGD).

#### **CARA MEMOHON:**

- i) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang **MDI.1 Pindaan 1/2013** dengan lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Semua permohonan hendaklah dikemukakan **secara pos atau e-mel** ke alamat seperti di bawah:

**Pengarah  
Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (AM)  
Blok C7, Ibu Pejabat MARDI  
Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang  
(u/p: Hawa Shafini binti Mohd Razak)  
Alamat e-mel: fini@mardi.gov.my**

- ii) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- iii) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP IKLAN : 21 JUN 2024 (JUMAAT)**

*Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 6894*